

BAB DUA

DENG XIAOPING DAN POLITIK PKC SEBELUM 1978

2.1. Latarbelakang Deng Xiaoping Sebelum 1949

Deng Xiaoping dilahirkan pada 1904 di sebuah kampung bernama Paifang yang terletak di Sichuan.²⁰ Kalau diukur dengan piawaian orang Komunis, keluarga Deng boleh digolongkan sebagai "kelas penindas" kerana ahli-ahli keluarganya terkenal dengan berkhidmat sebagai pegawai kerajaan selama beberapa generasi.²¹ Apabila zuriat keluarga Deng diturunkan sampai ke bapanya Deng Wenming, beliau tidak berkhidmat kepada kerajaan, tetapi masih merupakan seorang tuan tanah, iaitu satu kelas yang "menindas" kelas petani yang menyewa tanah atau bekerja dengannya.

Deng Xiaoping ialah anak sulung. Beliau dibesarkan oleh ibu bapanya dengan kasih sayang yang teramat sangat kerana dilihat sebagai pewaris keluarga pada suatu hari kelak.²² Dalam kajian terhadap proses sosialisasi Deng, Lucian Pye seorang pakar kajian politik China berpendapat bahawa latar belakang keluarga Deng ini membolehkan beliau mempunyai konsep kekeluargaan yang lebih positif berbanding dengan Mao Zedong.²³ Sepanjang riwayat hidup Deng, beliau hidup bersama dengan ahli-ahli keluarga yang

²⁰ Mao Mao, *Wo de Fuqin Deng Xiaoping* (Biografi Ayahku Deng Xiaoping) (Taipei: Penerbitan Dijiucun, 1993), ms. 37. Nama tempat lahir Deng yang sepenuhnya ialah Kampung Paifang, Mukim Xiebing, Daerah Guangan, Wilayah Sichuan. "Paifang" bermaksud "papan kenamaan" adalah sempena dengan papan kenamaan yang mencatatkan perlantikan nenek-moyang Deng yang pertama menjawat jawatan pegawai kerajaan di kerajaan pusat dinasti Qing.

²¹ Menurut Karl Marx, semua sejarah masyarakat di dunia ini merupakan sejarah pergolakan kelas. Institusi kerajaan tidak dapat dielakkan daripada sifat kelasnya. Ia merupakan satu kelas pemerintah, sifat kelas ini lazimnya adalah menindas kelas diperintah. Oleh itu, kelas ini sama sifatnya dengan kelas bourgeois yang sentiasa menindas kelas proletariat yang miskin papa. Karl Marx, *Selected Writings in Sociology and Social Philosophy* (London: Watts, 1956). Dengan itu, keluarga Deng yang ahli-ahlinya secara turun-temurun berkhidmat sebagai pegawai kerajaan tentunya merupakan keluarga penindas.

²² Mao Mao, *Wo de Fuqin Deng Xiaoping* (Biografi Ayahku Deng Xiaoping), ms. 38.

²³ Lucian Pye, "An Introductory Profile: Deng Xiaoping and China's Political Culture," *The China Quarterly*, no. 135 (September, 1993), ms. 426.

terdiri daripada ibu tiri, isteri, anak-anak dan cucu-cicitnya. Corak kehidupan ini dipercayai menyebabkan beliau tidak begitu ekstrem dalam membuat apa-apa tindakan politik berbanding dengan Mao. Mao hampir hidup dalam keadaan yang tidak ditemani oleh ahli-ahli keluarganya.²⁴

Pada awal abad ke-20, politik China menyaksikan perantaraannya daripada sistem imperial Disnati Qing ke zaman Republik China. Deng sempat melalui kehidupan dalam zaman-zaman tersebut pada zaman kanak-kanak hingga remaja. Oleh itu, beliau tentu mempunyai ingatan tentang kejatuhan kebesaran kerajaan maharaja Qing dan kehangatan bahang pembinaan sebuah negara China baru.

Deng menerima sistem pendidikan tradisional pada umur lima tahun dengan diajar teks-teks klasik Konfusian. Kemudian pada peringkat sekolah rendah dan menengah pula beliau dididik di bawah sistem pendidikan moden. Pengalaman pendidikan ini lebih menarik lagi apabila Deng dikatakan pernah menyertai demonstrasi dan tunjuk perasaan yang dianjurkan oleh sekolahnya semasa Gerakan 4 Mei 1919.²⁵

Pengalaman pendidikan Deng ini disambung dengan menuntut di Perancis ketika beliau berumur enam belas tahun. Bapa Deng merupakan pembuat keputusan terhadap perantauan Deng ke luar negeri. Tindakan Deng Wenming ini dapat mereflekskan sikap sebilangan rakyat China yang inginkan generasi anak mereka menimba ilmu moden orang barat demi memajukan tanah air.

²⁴ Kehidupan kekeluargaan Mao Zedong jika dibandingkan dengan Deng Xiaoping adalah tidak sempurna. Isteri pertamanya telah meninggal dunia dalam medan perang, isteri keduanya telah bercerai, isteri ketiganya Jiang Qing tidak tinggal serumah dengannya. Tiga anak lelaki beliau pula, satu meninggal dunia dalam medan perang, satu mengidap sakit jiwa dan satu lagi hilang sejak kecil lagi. Oleh itu, beliau dikatakan tidak mempunyai satu kehidupan kekeluargaan yang biasa. Wei Zhengtong, *Wuxian Fengguang zai Xianfeng: Mao Zedong de Xingge yu Mingyun* (Permandangan di Puncak Tinggi Lebih Menarik: Analisa Sikap dan Nasib Mao Zedong) (Taipei: Syarikat Perusahaan Kebudayaan Lixu, 1999), ms. 45-47.

²⁵ Mao Mao, *Wo de Fuqin Deng Xiaoping* (Biografi Ayahku Deng Xiaoping), ms. 48.

Pengalaman merantau ini cukup penting untuk Deng Xiaoping kerana beliau sekurang-kurangnya mempunyai satu imej ringkas terhadap masyarakat kapitalis yang sebenar sebelum menganuti fahaman komunis. Ini mungkin salah satu ciri yang membezakan corak berfikir Deng dengan mereka yang tidak pernah ke luar negeri.

Namun Deng tidak dapat menamatkan pelajarannya di sana. Beliau telah menyertai Pemuda PKC dengan aktif sekali sehingga pihak polis Perancis mula mengawasinya.²⁶ Bagaimanapun, sebelum pihak polis menahannya, Deng telah meninggalkan negara itu dan bertolak ke Soviet Union.²⁷ PKC agak memandang berat terhadap orang muda ini dan telah menghantarnya ke sana untuk mendalami fahaman komunis. Akan tetapi Deng juga tidak sempat menamatkan pelajaran di Soviet Union. Kali ini adalah kerana Deng dipanggil balik ke China untuk meneruskan perjuangan partinya.²⁸ Begitulah penghayatan beliau terhadap kehidupan di negara-negara moden Eropah. Masa beliau singgah di sana sangat singkat dan tumpuan beliau sentiasa diberi ke atas politik di China. Beliau sama seperti kebanyakan orang China pada masa itu beria-ia mencari jalan untuk memoden dan membangunkan negaranya.

Sejak kembali ke tanah air, Deng bertugas dalam agensi-agensi PKC yang berlainan jenis. Ini termasuk Setiausaha Agung Pusat Parti (*zhongyang mishuzhang*), pemimpin angkatan gerila parti dan Setiausaha Politik Daerah (*xianwei shuji*). Pengalaman-pengalaman ini membolehkan beliau membentuk satu jaringan perhubungan dengan pelbagai pihak dalam parti. Dalam period ini Deng barulah menukar nama

²⁶ Pada masa itu Deng menyertai Parti Pemuda Komunis China (*Zhongguo Shaonian Gongchandang*) yang kemudiannya ditukarkan nama sebagai Persatuan Belia Komunisme China Perantau Eropah (*Luou zhongguo gongchan zhuyi qingniantuan*). *Ibid*, ms. 85.

²⁷ Pejabat Editorial Penerbitan Mingbao, *Yidai Weiren Deng Xiaoping* (Tokoh Masyhur Zaman: Deng Xiaoping) (Hong Kong: Penerbitan Mingbao, 1997), ms. 12.

²⁸ Richard Evans, *Deng Xiaoping and The Making of Modern China* (London: Hamish Hamilton, 1993), ms. 39.

asalnya Deng Xixian kepada Deng Xiaoping untuk mengelakkan diri daripada dikesan oleh pihak perisikan KMT.

Dalam riwayat politik Deng Xiaoping, beliau pernah diturunkan dari arena politik sebanyak tiga kali. Yang lebih menakjubkan ialah setiap kali beliau berjaya membangkit semula. Kali pertama ialah pada 1933, Deng yang berkhidmat sebagai Setiausaha Politik Daerah Huichang dilucutkan semua jawatannya dan diberi amaran yang terserius dan terakhir oleh parti pusat. Ini kerana ketika itu beliau menyokong Mao Zedong untuk menentang pucuk pimpinan parti pusat yang diketuai oleh Wang Ming. Hukuman tersebut adalah bertujuan melemahkan pengaruh Mao.

Deng kemudian dipulih semula jawatannya sebagai Setiausaha Agung Parti setelah Mao berjaya merampas kedudukan pemimpin tertinggi parti daripada Wang Ming.²⁹ Ketika itu PKC sedang melakukan pengunduran dari buruan KMT yang digelar "Penjelajahan Jauh" ("The Long March" , *changzheng*). Dipercayai melalui kejadian ini, hubungan antara Mao dengan Deng telah dipererat kerana Deng telah menunjukkan kesetiaannya terhadap Mao.

Pada masa yang seterusnya, orang Komunis China telah mengalami pelbagai cabaran getir seperti penaklukan tentera Jepun, perang saudara dengan KMT sehingga hal penubuhan kerajaan Republik Rakyat China pada Oktober 1949. Sepanjang masa itu, Deng berganding bahu dengan General Liu Bocheng memimpin tentera Komunis bahagian kedua (*di er yezhan budui*) untuk berperang.³⁰ Deng ialah Pesuruhjaya Politik

²⁹ Mao Mao, *Wo de Fuqin Deng Xiaoping* (Biografi Ayahku Deng Xiaoping), ms. 267.

³⁰ Sebenarnya nama bahagian tentera ini berubah-ubah dalam beberapa perang yang berlainan, demi melicinkan penghuraian dalam tesis, nama bahagian yang terakhir sekali sebelum 1949 sahaja digunakan untuk menunjukkan pasukan tentera yang dipimpin oleh Deng Xiaoping dan Liu Bocheng. Nota akhir, *Deng Xiaoping, Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid pertama (Beijing: Penerbitan Renmin, 1994), ms. 351.

Bahagian (*zhengwei*) yang mempunyai bidang kuasa yang sama besar dengan General Bahagian. Pasukan tentera pimpinan Deng ini telah berjaya mendapat kemenangan dalam beberapa pertempuran besar dengan strategi dan kelasakan askar-askarnya.³¹ Bagaimanapun, bukan pasukan Deng dan Liu sahaja yang menyumbangkan kejayaan besar, malah pasukan tentera pimpinan seperti Mao, Peng Dehuai dan Lin Biao berjaya mengalahkan tentera KMT dengan kemenangan besar. Setelah PKC berjaya menubuhkan kerajaan baru, Deng masih ditugaskan untuk mengawasi satu zon kawasan militer sehingga 1952.³²

Pada masa itu, Mao mendapat sanjungan yang paling tinggi daripada ahli-ahli PKC. Mereka mengagumi kewibawaan beliau yang mampu membawa partinya mengharungi cabaran-cabaran yang tersebut di atas. Kejayaan ini membolehkan beliau menerajui haluan pemikiran parti. Deng yang bukan seorang tokoh pemikir tentu rela sekali mengulangi idea-idea Mao dalam kenyataan-kenyataannya.³³ Boleh dikatakan semasa kerajaan PKC ditubuhkan, seluruh parti mempunyai satu persefahaman tentang haluan perjuangan mereka, iaitu berdasarkan idea-idea pembangunan yang diilhamkan oleh Mao Zedong.

2.2. Pembangunan Ala Sosialis (1949-1957)

Pada 1 Oktober 1949, Republik Rakyat China telah diisytiharkan penubuhannya. Dokumen "Persefahaman Bersama Melalui Perundingan Politik Antara Rakyat China" (*Zhengzhi xieshang huiyi gongtong gangling*) merupakan perlembagaan negara

³¹ Mao Mao, *Wo de Fuqin Deng Xiaoping* (Biografi Ayahku Deng Xiaoping), ms. 469-552.

³² Han Shanbi, *Deng Xiaoping Pingzhuan* (Komentar dan Biografi Deng Xiaoping), ms. 28.

³³ Berkennaan dengan perkara ini, sila merujuk kepada teks-teks ucapan yang dibuat oleh Deng. Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping) jilid pertama.

sementara. Dalam dokumen tersebut penubuhan sebuah kerajaan yang terdiri daripada pelbagai kelas dalam negara adalah dicadangkan seperti di bawah,

Memansuhkan segala hak keistimewaan yang dinikmati oleh negara imperialis, menghakmiliknegarakan kapital kepunyaan kerajaan KMT, melakukan reformasi tanah, melindungi kepentingan ekonomi dan harta setiap kelas, mengembangkan ekonomi ala Demokrasi Baru.³⁴

Istilah “Demokrasi Baru” (*xin minzhu zhuyi*) yang disebut dalam petikan di atas telah dikemukakan oleh Mao buat kali pertama pada 1930-an.³⁵ Pada masa tersebut, peluang PKC untuk merampas tumpuk pemerintahan negara semakin cerah. Mao tidak pernah menuntut di Soviet Union, oleh itu tentu sekali beliau tidak akan mengemukakan idea-idea pemerintahan yang dipetik daripada fahaman Marxis-Leninis secara bulat-bulat seperti Wang Ming. Sebaliknya beliau memperkenalkan idea yang mudah difahami serta mampu meraih sokongan daripada pelbagai kelas. Oleh itu idea Demokrasi Baru beliau ini hanya dikatakan berdasarkan teori Karl Marx.³⁶

Sememangnya pada masa itu, belum lagi muncul satu peringkat masyarakat Kapitalis yang sempurna di China, dan masyarakat Sosialis yang diidamkan oleh orang Komunis tentunya tidak dapat dicapai. Oleh itu, Mao mengelaskan bentuk masyarakat China pada zaman beliau itu sebagai sebuah masyarakat Separuh Kolonialisme dan

³⁴ “Zhongguo Renmin Zhengzhi Xieshang Huiyi Gongtong Gangling Quanwen” (Teks Penuh Prinsip Bersama Mesyuarat Perundingan Politik Rakyat China), *Zhonghua Renmin Gonghe guo Kaiguo Wenxian* (Dokumen-dokumen Penubuhan Negara Republik Rakyat China) (Beijing: Koperasi Wenhua Ziliaozongying, 1978), ms. 262.

³⁵ Yu Guangyuan, *Cong “Xin Minzhu Zhuyi Shehui Lun” dao “Shehui Zhuyi Chuji Jieduan Lun”* (Perbandingan antara Teori “Demokrasi Baru” dengan Teori “Tahap Awal Masyarakat Sosialis”) (Beijing: Penerbitan Renmin, 1996), ms. 15.

³⁶ Dalam teori Marx, perkembangan sebuah masyarakat perindustrian Kapitalis yang sampai ke tahap optimanya akan mengakibatkan keruntuhanya dan kemudian muncul satu masyarakat yang bersifat Sosialis. Bentuk masyarakat ini secara sempurna digelarkan sebagai “Utopia” di mana ciri yang paling penting ialah penghapusan harta persendirian. Malah struktur negara perlu dihapuskan bersama supaya kelas Burjuis yang memiliki harta persendirian yang minoriti tidak dapat memperalatkan institusi kerajaan untuk menindas golongan proletariat (biasanya ialah pekerja kilang) dan semi proletariat (biasanya terdiri daripada petani). Idea Demokrasi Baru ini bercadang membentarkan perkembangan ciri-ciri Kapitalis dalam sebuah masyarakat yang diperintah oleh orang Komunis, tidak sama dengan Fahaman Marxis-Leninis seperti yang disebutkan di atas. Karl Marx, *Selected Writings in Sociology and Social Philosophy*, ms. 240.

Separuh Feudalisme (*ban zhimin ban fengjian*). Mao bercadang bahawa jika PKC berjaya memerintah China, matlamat yang pertama bukanlah terus menukar bentuk masyarakatnya kepada masyarakat Sosialis, sebaliknya perlu memperkembangkan ciri-ciri Kapitalis dalam masyarakat tersebut terlebih dahulu, sehingga ciri-ciri tersebut mencapai kesempurnaannya, maka barulah PKC sebagai peneraju akan membawa negaranya mara ke arah masyarakat Sosialis. Mao menyifatkan dasar pembangunan negara ini sebagai "Maraan Dua Langkah" (*liang bu zou*),

Langkah pertama ialah, menukar situasi masyarakat negara ini yang bersifat tanah koloni, separuh koloni dan separuh feudal kepada sebuah masyarakat demokrasi yang merdeka. Langkah kedua ialah memperkembangkan revolusi ini supaya dapat membina sebuah masyarakat Sosialis.³⁷

Oleh sebab pemerintahan sebuah masyarakat Kapitalis oleh kerajaan Komunis merupakan satu perkara yang tidak pernah dilakukan dalam sejarah manusia, Mao menggelarkan masyarakat tersebut sebagai masyarakat "Demokrasi Baru".³⁸

Masyarakat ini akan dipimpin oleh kerajaan "Diktatorip Demokrasi Pimpinan Kelas Buruh dan Petani yang Bersifat Revolusi" (*geming de gongnong jieji minzhu zhuanzheng*). Maksudnya, kerajaan ini didirikan berdasarkan kerjasama kelas-kelas majoriti rakyat seperti proletariat dan semi proletariat. Mereka memandatkan kuasa demokrasi kepada kerajaan untuk menjalankan pemerintahan secara diktator.³⁹ Pada perkataan lain, ini bermaksud rakyat jelata secara majoriti bersetuju menyerahkan semua

³⁷ Mao Zedong, *Mao Zedong Xuanji* (Koleksi Karya-karya Mao Zedong), jilid kedua (Beijing: Penerbitan Renmin, 1992), ms. 627.

³⁸ Ibid, jilid pertama, ms. 610.

³⁹ Mao Zedong, *Mao Zedong Xuanji* (Koleksi Karya-karya Mao Zedong), jilid kelima (Beijing: Penerbitan Renmin, 1977), ms. 276. Kerajaan PKC pernah menerbitkan koleksi karya-karya Mao dalam bentuk empat jilid pada 1969, kemudian jilid yang kelima hanya diterbitkan pada 1977. Akan tetapi selepas Deng menjadi pemimpin tertinggi negara, jilid kelima ini tidak diterbit lagi dan cetakan yang seterusnya hanya mengandungi empat jilid sahaja. Oleh itu, jilid kelima ini dikhaskan sebagai sebuah buku yang terkecuali daripada empat jilid yang sebelumnya.

kuasa pemerintahan kepada PKC untuk memerintah negara secara diktator selama-lamanya. Ini juga bermaksud, sebagai sebuah parti pemerintah yang tunggal, PKC boleh membuat dan juga berubah-ubah apa-apa keputusan sesuka hati.

Rakyat China dengan serta-merta telah mengerti makna sebenar "Demokrasi Diktatorsip" (*minzhu zhuanzheng*) tersebut. Sebelum 1953, kerajaan China baru ini telah membenarkan kelas Burjuis mengamalkan aktiviti ekonomi Kapitalis di kawasan bandar seperti apa yang disyorkan dalam idea Demokrasi Baru. Di kawasan luar bandar pula reformasi tanah dijalankan. Akan tetapi, dasar-dasar ini masing-masing terdapat perkara yang boleh dipertikaikan.

Dalam reformasi tanah, didapati tanah-tanah yang dimiliki oleh tuan-tuan tanah telah dirampas dan dibahagikan kepada setiap penduduk tempatan. Seorang sarjana Amerika Syarikat Maurice Meisner ketika mengulas perkara ini berpendapat bahawa,

Akan tetapi apa yang dibangkitkan oleh reformasi tanah bukanlah Sosialisme, malah langsung tidak mempunyai label kelas sosial secara umum di kawasan luar bandar, terutamanya yang bersignifikasi. Tanah di bawah undang-undang telah dialienasi, ia boleh dibeli, dijual dan dicengkeramkan. Reformasi tanah yang dilancarkan oleh PKC adalah bersifat revolusi tetapi berada dalam bentuk Kapitalis.⁴⁰

Pandangan Meisner ini amat menarik kerana beliau berasa semangat yang tersirat dalam reformasi tersebut lebih cenderung kepada semangat Nasionalisme daripada Sosialisme. Ini kerana dalam reformasi tersebut kerajaan PKC telah merampas tanah milik tuan-tuan tanah untuk dibahagikan kepada petani-petani miskin. Tujuan asal mereka adalah untuk menghapuskan kelas yang mempunyai harta persendirian, tetapi mereka tidak menyedari bahawa tanah-tanah yang dirampas akhirnya juga dimiliki oleh para petani sebagai harta persendirian. Orang Komunis nampaknya ingin sangat melaksanakan dasar-dasar

⁴⁰ Maurice Meisner, *The Deng Xiaoping Era: An Inquiry Into the Fate of Chinese Socialism 1978-1994* (New York: Hill and Wang, 1996), ms. 28.

pembangunan Sosialisme yang boleh membezakan corak pemerintahan mereka dengan kerajaan KMT sebelumnya. Akan tetapi, perkembangan secara realiti tidak semestinya mengikut kehendak mereka.

Dasar Demokrasi Baru yang mula dilaksanakan pada akhir 1949 sepatutnya memerlukan masa perkembangan sekurang-kurangnya berpuluhan-puluhan tahun, tetapi dasar itu telah dimansuhkan pada 1953. Pada masa itu pertumbuhan ekonomi negara baru dipulihkan sama seperti tahap sebelum Perang Dunia Kedua.⁴¹ Ini hanya merupakan satu permulaan yang baik sahaja dan ia masih tidak boleh dikatakan mencapai apa-apa kejayaan dalam proses modenisasi China. Namun bagi Mao, pencapaian ini sudah cukup. Beliau berpendapat bahawa sudah tiba masanya untuk mengadakan sistem ekonomi Sosialis yang bersifat ekonomi terancang. Tujuannya adalah untuk membawa negaranya memasuki bentuk masyarakat Sosialis lebih awal.⁴² Nampaknya Mao ingin membuktikan beliau masih menerajui haluan pemikiran seluruh negara melalui cara menukar haluan perjuangan secara kerap.

Rancangan Lima Tahun Pertama merupakan dasar yang dikemukakan untuk menjayakan proses industrialisasi terancang. Kerajaan telah menjalankan projek-projek pembangunan industri berat dengan bantuan teknikal dan kewangan daripada Soviet Union.⁴³ Mereka mengandai bahawa melalui pembangunan dalam industri berat, maka bahan-bahan kelengkapan kilang-kilang industri akan dihasilkan terlebih dahulu, kemudian kilang-kilang ini dapat menghasilkan barang untuk keperluan pelbagai

⁴¹ Walter Rostow, *The Prospects for Communist China* (Cambridge, Mass: The Massachusetts Institute of Technology Press, 1954), ms. 237-254.

⁴² Mao Zedong, *Mao Zedong Xuanji* (Koleksi Karya-karya Mao Zedong), jilid kelima, ms. 89.

⁴³ *Zhonghua Renmin Gongheguo Fazhan Guomin Jingji de Diyige Wunian Jihua* (Rancangan Pembangunan Ekonomi Nasional Pertama Republik Rakyat China) (Beijing: Penerbitan Renmin, 1955), ms. 18-19.

bidang, seterusnya membantu membangunkan sektor-sektor yang lain seperti pertanian dan perkhidmatan.⁴⁴ Dalam pembangunan ala Sosialis ini, syarat yang pertama dan yang terpenting ialah kuasa pemutus mesti dipusatkan dalam tangan kerajaan PKC. Langkah pertama “Maraan Dua Langkah” nampaknya hanya dijalankan sekejap sahaja dan langkah kedua telah dimulakan secara tergesa-gesa.

Pada masa seterusnya Mao berjaya mengamalkan pertanian kolektif di sektor pertanian. Tanah-tanah persendirian setiap petani telah diambil balik. Pada 1956 firma-firma swasta pula dihakmiliknegarakan. Berdasarkan teks-teks ucapan yang dibuat oleh Mao pada masa tersebut, sarjana Amerika Syarikat, Benjamin Schwartz memutuskan bahawa Mao pada masa itu sememangnya ingin membina masyarakat China dan institusi-institusi kerajaan China dalam bentuk totalitarien.⁴⁵ Model pembangunan China ini nampaknya mirip dengan corak pembangunan di Soviet Union. Dari segi kepentingan negara Amerika Syarikat, ini bukanlah satu petunjuk yang baik.⁴⁶

Pengolongan ini nampaknya terlalu mudah. Jika dilihat dari segi kesatuan ideologi dan pemegangan kuasa secara monopoli oleh satu parti, China nampaknya amat sesuai dikategorikan dalam model tersebut, tetapi pada hakikatnya, China tidak memenuhi syarat sebagai negara totalitarien seratus-peratus. Ini kerana satu sifat semulajadi PKC ialah sokongan tonggaknya adalah daripada golongan petani. Mao

⁴⁴ Ibid, ms. 184-185.

⁴⁵ Benjamin Schwartz, “Modernization and the Maoist Vision: Some Reflection on Chinese Communist Goals,” Roderick MacFarquhar (ed), *China Under Mao: Politics Takes Command* (Cambridge, Massachusetts: The Massachusetts Institute of Technology Press, 1957), ms. 16. Berkenaan dengan definisi terhadap sebuah rejim totalitarien, sila rujuk buku Carl J. Friedrich dan Zbigniew K Brzezinski, *Totalitarian Dictatorship and Autocracy* (New York: Frederick A. Praeger Publisher, 1961), ms. 9-10.

⁴⁶ Sejak Amerika Syarikat menjadi salah satu kuasa besar di dunia pada awal abad 20, ia amat mementingkan hubungannya dengan China. Akan tetapi pada 1949 apabila China dikuasai oleh PKC yang berlainan ideologi dengan Amerika Syarikat, maka mereka amat prihatin tentang keinginan rejim “China Merah” bersepakat dengan Soviet Union untuk menentang dunia Kapitalis. Berkenaan dengan perkara ini boleh merujuk kepada Tsou Tang, *America’s Failure in China, 1941-1950* (Chicago: The Chicago University Press, 1963).

Zedong meraih sokongan daripada mereka dan bukannya daripada golongan birokrat profesional yang mentadbir negara seperti Soviet Union. Oleh itu selepas setiap lapisan masyarakat disosialisasikan, beliau mula mengkuatir sikap birokratisme yang mula berleluasa di kalangan pegawai kerajaan. Dipercayai inilah satu sebabnya Mao mencadang proses disentralisasi penurunan kuasa kerajaan pusat pada kemudiannya.

Mulai pertengahan 1950-an China dan Soviet Union mula menghadapi perselisihan pendapat yang amat besar.⁴⁷ Keadaan menjadi lebih tegang apabila Khrushchev berjaya menggantikan Stalin yang meninggal dunia sebagai Setiausaha Agung Parti Komunis Soviet pada 1957. Beliau telah berusaha untuk menafikan sumbangan Stalin dalam parti dan negara. Mao amat membantah perubahan tersebut.⁴⁸

Mao telah membuat satu laporan dalam biro politik pusat PKC yang bertajuk "Perbincangan Terhadap Sepuluh Perhubungan Utama" pada April 1956. Dalam laporan tersebut, ayat pertama beliau berbunyi, "Baru-baru ini beberapa kekurangan dan kesilapan dalam proses pembangunan masyarakat Sosialis di Soviet telah terbongkar. Jalan buntu yang ditemui oleh mereka, adakah perlu kita menghadapinya sekali lagi?"⁴⁹ Jelas, niat beliau yang ingin berdikari dalam dunia negara Komunis amat terserlah. Beliau telah mencadangkan dasar pembangunan yang berbeza dengan kerajaan Soviet Union iaitu mengadakan proses disentralisasi dengan mengurangkan bilangan organisasi dalam parti dan kerajaan pusat lebih kurang dua pertiga.⁵⁰

⁴⁷ Sergei N. Goncharow, John W. Lewis dan Xue Litai, *The Uncertain Partners: Stalin, Mao and Korean War* (Stanford: Stanford University Press, 1993), ms. 224.

⁴⁸ David Floyd, *Mao Against Khrushchev* (New York: Frederick A. Praeger Publisher, 1963), ms. 171.

⁴⁹ Mao Zedong, *Mao Zedong Xuanji* (Koleksi Karya-karya Mao Zedong), jilid kelima, ms. 267-288.

⁵⁰ Ibid, ms. 275-277.

Cadangan Mao ini nampaknya juga mempunyai sedikit ciri masyarakat "Utopia" orang Komunis iaitu konsep "kerajaan" cuba dibuangkan.⁵¹ Akan tetapi tindakan ini dilihat telah memesong dari idea Karl Marx yang asal kerana beliau ingin mencapainya dalam satu jangkamasa yang singkat. Perubahan ini terlalu mendadak sehingga sesetengah pemimpin pusat tidak dapat mengikuti rentaknya seperti Perdana Menteri Zhou Enlai dan dua orang Naib Pengerusi parti iaitu Chen Yun serta Liu Shaoqi. Mereka masih ingin meneruskan Demokrasi Baru.⁵²

Bagi Deng Xiaoping, pada detik itu beliau merupakan Setiausaha Agung Parti. Beliau masih taat dan patuh akan idea Mao. Pada masa itu juga, beliau memegang jawatan Naib Perdana Menteri. Ini merupakan jawatan yang lebih bersifat birokratisme yang memang merupakan kemahirannya. Salah satu sebab yang penting beliau dapat menjawat jawatan ini ialah kerana kerestuan Mao. Oleh itu, Deng memang terhutang budi terhadap beliau.

Boleh dikatakan bahawa bahaya pemesongan idea-idea Mao telah dikesan oleh sesetengah pemimpin PKC pada awal lagi, tetapi pada masa yang sama, masih banyak pemimpin yang tetap menyokong Mao dengan setia seperti Deng; Maka kecenderungan tersebut terpaksa diteruskan.

⁵¹ Sememangnya dalam Fahaman Marxis, masyarakat utopia yang diidamkan ialah sebuah masyarakat yang tidak mempunyai bentuk "kerajaan" dan "negara". Sebab dalam pandangan Marx, kewujudan institusi kerajaan ialah satu cara yang digunakan oleh kelas Burjuis untuk menindas kelas-kelas lain. Karl Marx dan Frederick Engels, *Karl Marx and Frederick Engels Selected Works*, jilid ketiga.

⁵² Dalam catatan seorang penasihat dasar Deng Xiaoping yang bernama Yu Guangyuan, Mao pernah pada 1953 membidas pemimpin pusat yang "tidak peka dengan perubahan revolusi, masih mengamalkan 'Demokrasi Baru' ". Menurut Yu, pemimpin yang disebut itu ialah Liu Shaoqi. Yu Guangyuan, *Cong "Xin Minzhu Zhuyi Shehui Lun" dao "Shehui Zhuyi Chuji Jieduan Lun"* (Perbandingan antara Teori "Demokrasi Baru" dengan Teori "Tahap Awal Masyarakat Sosialis"), ms. 85.

2.3. Dua Barisan Idea Pemerintahan (1957-1962)

Pada 1957 Mao telah melenyapkan suara-suara bantahan terhadap dasar pembangunan PKC melalui “Kempen Seratus Bunga Mekar Bersama, Seratus Aliran Pemikiran Menyuarkan Pendapat” (*baihua qifang, bajia zhengming yundong*), “Kempen Pembersihan Parti” (*zhengfeng*) dan “Kempen Anti Fahaman Kanan” (*fanyou yundong*).⁵³ Deng memainkan peranan sebagai ketua penguatkuasa kempen-kempen tersebut, oleh itu boleh dikatakan beliau pada masa itu masih percaya bahawa Mao masih berusaha memajukan negaranya ke arah sebuah negara Sosialis moden.

Setelah kritikan-kritikan dihentikan, Mao mula meneruskan idea-idea pembangunan negaranya. Beliau bercadang untuk mengamalkan pertanian kolektif yang lebih meluas dalam perkongsian menggunakan mesin jentera dan bergotong-royong menjalankan projek pembinaan infrastruktur.⁵⁴ Idea ini menyempitkan lagi ruang persendirian setiap rakyat. Mao tentu nampak bahayanya jika meneruskan kecenderungan ini. Akan tetapi, pada masa yang sama beliau juga dapat lihat kesan daripada pengurangan kuasa pihak eksekutif kerajaan telah muncul. Pengaruh birokrat-birokrat profesional yang lebih taat kepada pemimpin atasan seperti Zhou Enlai dan Liu Shaoqi telah mula merosot.

⁵³ Pada mulanya “Kempen Seratus Bunga” diadakan ialah menggalakkan rakyat bebas memberi pandangan terhadap pemerintahan PKC, tetapi kemudian bila didapati banyak pandangan itu tidak puas hati terhadap PKC, Mao telah mengarah Deng Xiaoping yang bertugas sebagai Setiausaha Agung mengadakan “Kempen Pembersihan Parti”, cuba menghukum ahli-ahli parti yang mengkritik pucuk pimpinan. Seterusnya tindakan itu diperluaskan kepada rakyat jelata terutamanya ahli-ahli intelek dengan mengadakan “Kempen Anti Fahaman Kanan” menuju mereka berfahaman kanan (Kapitalisme) ingin menderhaka negara, maka ramai orang telah dibuang parti, dipenjara, diseksa, dibuang negeri ke sempadan negara dan sebagainya. Berkenaan dengan peristiwa ini secara detail, sila rujuk Roderick MacFarquhar, *The Hundred Flowers Campaign and the Chinese Intellectuals* (New York: Frederick A. Praeger Publisher, 1960), Mu Fu-Sheng, *The Whiling of The Hundred Flowers* (Kingswood: The Windmill Press, 1962) atau Hua Min, *Zhongguo Danizhuan* (Perubahan Gempa di China) (Hong Kong: Penerbitan Mingjing, 1996).

⁵⁴ David S. G. Goodman, (ed) *Group and Politics in the People’s Republic of China* (New York: Routledge, 1984), ms.190.

Bagaimanapun, perhitungan Mao terhadap pengubahan haluan ini juga mengambil kira faktor luar negeri. Seperti yang dimaklumkan di atas, pada masa itu hubungan PKC dengan Soviet Union semakin genting. Pada 1958, Soviet telah menghentikan bantuan pinjaman dan meminta China melangsaikan semua pinjaman yang diberi bersama dengan bunganya sekali. Dalam suasana yang terdesak, Mao terpaksa melakukan pembangunan negaranya dengan bergantung sepenuhnya kepada pengeluaran domestik.⁵⁵

Idea disentralisasi dan pertanian kolektif Mao ini berjaya mendapat sokongan yang hangat apabila beliau mengadakan lawatan ke seluruh negara. Sokongan hangat ini telah menyebabkan semua pemimpin yang tidak sependapat dengan Mao seperti Zhou Enlai juga terpaksa untuk bersetuju meluluskan pelancaran kempen "Melangkah Besar ke Depan" (The Great Leap Forward, *dayuejin*) dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kongres Parti yang diadakan pada Mei 1958.⁵⁶

Dalam kempen ini, Mao menekankan disentralisasinya lagi dengan cuba membangkitkan inisiatif subjektif manusia. Beliau amat percaya bahawa kesedaran rakyatnya boleh membawa satu momentum yang amat besar terhadap pembinaan masyarakat sosialis. Beliau berpandangan sedemikian adalah kerana dalam pengalaman peperangan yang lepas, Mao benar-benar merasai kuasa sokongan daripada rakyat jelata yang tampil membantu orang Komunis secara sukarela sehingga mengalahkan tentera

⁵⁵ Jan S. Prybyla, "The Development of Economic Thought and Policy in Communist China," Jan S. Prybyla (ed), *Comparative Economic Systems* (New York: Meredith Corporation, 1969), ms. 352.

⁵⁶ Kononnya sebelum kempen "Melangkah Besar ke Depan" diluluskan, Mao telah menggunakan pengaruhnya mendapat sokongan daripada PKC pusat memaksa para pemimpin yang pernah membantah pembangunan secara tergesa-gesa (*fang maojin*) seperti Chen Yun, Bo Yibo dan Li Xiannian membuat penyemakan diri secara rasmi, kemudian Mao secara tidak langsung juga bercadang ingin menurunkan Zhou Enlai dari jawatan perdana menteri, dipercayai melalui langkah-langkah ini, para pemimpin pragmatis pada masa itu tidak berani membantah lagi. Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara 1949-1997), ms. 279-280.

Jepun semasa Perang Dunia Kedua amatlah jitu. Pada masa itu rakyat jelata amat bersemangat bukan kerana rangsangan daripada insentif material tetapi demi semangat patriotisme dan kepercayaan terhadap idea-idea PKC. Oleh itu Mao pernah berkata,

Demi menghalau imperialisme, menukarkan China lama kepada China baru, (kita) mesti memobilisasikan semua rakyat China. Semua rakyat mempamerkan aktif inisiatif, barulah dapat kita mencapai matlamat (kita).⁵⁷

Selepas PKC menjadi kerajaan, proses modenisasi di China masih tidak dapat dikembangkan kerana tidak mempunyai pelaburan modal dan pengetahuan teknologi yang canggih walaupun mempunyai populasi yang besar. Mao sememangnya tidak suka mengamalkan sistem ekonomi Soviet Union yang struktur pengurusannya lebih menekankan pemerintahan secara vertikal, iaitu secara atas ke bawah. Beliau berpendapat bahawa cara pengurusan ini akan mengongkong keaktifan rakyat jelata, menyebabkan mereka tidak dapat menyumbangkan tenaga mereka secara sepenuhnya. Oleh itu, beliau yakin isu pembangunan negara juga merupakan satu isu politik. Jika pucuk pimpinan lebih "merah" iaitu lebih bersifat Komunis, rakyat jelata lebih bersemangat untuk membangunkan negara. Maka beliau mencadangkan perlu menjalankan revolusi yang berterusan tanpa berhenti.⁵⁸

Pandangan Mao ini membawa maksud bahawa revolusi di bahagian superstruktur masyarakat, iaitu politik dan minda rakyat jelata perlu diutamakan. Rakyat jelata adalah merupakan tenaga utama dalam pembinaan sebuah negara Sosialis, bukan golongan profesional atau birokrat. Dari segi ekonomi, beliau sengaja mengabaikan pelbagai faktor ekonomi yang dapat membangunkan negara yang jauh lebih berkesan daripada faktor tenaga buruh. Kempen ini bersifat politik yang jelas.

⁵⁷ Mao Zedong, *Mao Zedong Xuanji* (Koleksi Karya-karya Mao Zedong), jilid kedua, ms. 445.

⁵⁸ Mao Zedong, *Mao Zedong Xuanji* (Koleksi Karya-karya Mao Zedong), jilid kelima, ms. 192.

Beliau juga mengumumkan hasratnya untuk mengejar kemajuan United Kingdom dan Amerika Syarikat dalam masa tujuh atau lapan tahun.⁵⁹ Demi mencapai hajat ini, beliau mengumumkan strategi pembangunan yang digelar sebagai “Berjalan dengan Dua Belah Kaki” (*liangtiaotui zoutu*) yang bermaksud membangunkan sektor industri berat dengan teknologi tinggi dan industri ringan dengan intensif buruh pada masa yang sama.⁶⁰ “Kelajuan ialah jiwa dasar utama ini” (*sudu shi zongluxian de linghun*), “Mesti cepat, ini merupakan masa kita mengejar dengan lebih cepat tetapi menjimatkan kos” (*kuai, zheshi duokuai haosheng de zhongxin huanjie*).⁶¹ Slogan-slogan ini jelas menyifatkan sikap tergesa-gesa Mao pada masa itu.

Komun rakyat (*renmin gongshe*) juga merupakan satu sistem masyarakat yang dihasilkan daripada idea “Melangkah Besar ke Depan” . Ini merupakan simbol yang menunjukkan China sedang melangkah ke satu arah pemodenan yang unik dan berlainan dengan model negara barat atau Soviet Union. Komun ini hanya diamalkan di kawasan luar bandar. Kerajaan daerah dan peringkat-peringkat kerajaan tempatan yang berada di bawahnya telah dibubarkan. Sebaliknya pemimpin PKC tempatan telah mendirikan pasukan pentadbiran secara tiga peringkat untuk menguruskan hal keselamatan, politik, ekonomi dan sosial kawasan tersebut.⁶² Tujuannya adalah untuk mengadakan satu masyarakat yang tidak diperintah oleh mana-mana kelas, semua orang tidak mempunyai harta persendirian dan semua jenis sumber semulajadi dikongsi oleh semua orang. Mereka cuba merealisasikan seperti apa yang dilakarkan dalam masyarakat Utopia

⁵⁹ Ibid, ms. 204.

⁶⁰ Jan S Prybyla, *The Chinese Economy* (South Carolina: University of South Carolina Press, 1978), ms. 229.

⁶¹ Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai, 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara, 1949-1997), ms. 283.

⁶² Scott Rozelle, “Decision-Making in China’s Rural Economy: The Linkages Between Village Leaders and Farm Households,” *The China Quarterly*, no. 137 (Macrh, 1994), ms. 103.

komunis. Dengan itu, para penduduk kawasan luar bandar telah menyerahkan semua harta persendirian mereka, kemudian mendapatkan bekalan barang keperluan hidup daripada kerajaan.⁶³ Contoh yang ketara ialah penubuhan kantin awam. Para penduduk merobohkan dapur rumah masing-masing dan makan di kantin awam secara percuma. Oleh itu walaupun proses disentralisasi telah dijalankan di peringkat kerajaan pusat, tetapi kerajaan tempatan pula dipusatkan kuasanya.⁶⁴

Pada masa itu, sememangnya di kawasan kampung pertanian mempunyai tenaga buruh yang berlebihan. Oleh itu melalui penubuhan komun rakyat, para pemimpin PKC tempatan dapat memobilisasikan tenaga buruh yang berlebihan untuk menjalankan projek-projek pembinaan infrastruktur secara gotong-royong tanpa membelanjakan wang kerajaan. Hasil usaha mereka dapat ditukarkan daripada tanggungan negara kepada aset ekonomi. Aset ekonomi ini akan meningkatkan pendapatan daripada sektor pertanian dan lebihannya dapat digunakan sebagai kapital bagi pembangunan industri berat ataupun “kaki” yang sebelah lagi.⁶⁵ Itulah hasil yang dijangkakan oleh Mao untuk menuahkan komun rakyat.

Bagaimanapun, sistem masyarakat ini belum diuji dengan sepenuhnya. Dalam masa yang singkat, kampung pertanian seluruh negara telah menuahkan komun rakyat masing-masing. Pada awal musim luruh 1958, banyak kampung telah melaporkan hasil

⁶³ Dalam memoir yang ditulis oleh Wu Lengxi, pernah terdapat sebuah daerah yang bernama Xushui dapat membekalkan makanan, pakaian, kediaman, kasut, sarung kaki, tuala, sabun, minyak lampu, mancis, mandi, gunting rambut, menonton wayang, perubatan, pengebumian dan kayu pemanasan iaitu sebanyak lima belas jenis. Fakta ini secara tidak langsung membuktikan betapa luasnya bidang kuasa pihak pemerintah peringkat kerajaan tempatan tersebut. Wu Lengxi, *Yi Maozhuxi* (Memori Terhadap Pengerasi Mao) (Beijing: Penerbitan Xinhua, 1995), ms. 94.

⁶⁴ Kenneth R. Walker, *Planning in Chinese Agriculture: Socialization and the Private Sector, 1956-1962* (Chicago: Aldine, 1965), ms. 3-19.

⁶⁵ Dennis Michael Ray, *The People's Communes in Communist China 1958-1962* (a dissertation presented to The Faculty of the Graduate School of International Studies, University of Denver, 1967), ms. 212.

tanaman mereka meningkat berpuluhan-puluhan ganda ekoran daripada pengamalan komunitaristik. Mao sangat gembira dan mengarahkan mereka meluangkan sebahagian masa untuk menjalankan kerja penghasilan keluli di depan rumah sendiri.⁶⁶ Akibatnya, kerja pertanian telah diabaikan, hasil pertanian yang sudah masak tidak ada tenaga manusia yang lebih untuk menuai hasil pertanian tersebut. Penghasilan keluli dengan cara primitif juga membawa kegagalan dan pembaziran bahan mentah.⁶⁷

Dengan itu ekonomi China mengalami padah yang amat buruk. Keadaan bertambah buruk lagi apabila berlakunya kemarau dan banjir di berlainan kawasan pada musim menuai 1959. Perkara yang sebenarnya ialah hasil tanaman terutamanya makanan ruji telah berkurangan secara mendadak. Kebuluran secara besar-besaran telah berlaku sehingga 1961. Dianggarkan rakyat China yang mati dalam kebuluran ini ialah sebanyak 40 juta orang dan kebanyakannya tertumpu di kawasan luar bandar,⁶⁸ tetapi dalam semua dokumen kerajaan yang rasmi tidak ternampak angka kematian yang sebegini besar. Hanya apabila membandingkan statistik populasi China antara 1961 dengan 1959 baru mendapati perbezaan angka populasi pada dua tahun tersebut sebegitu banyak. Benjamin Schwartz telah menyifatkan kempen ini sebagai klimaks bagi aplikasi wawasan modernisasi Mao, tetapi “penekanan terhadap manusia sebagai faktor penentu dan mengabaikan ‘pra-syarat material’, berdasarkan kuasa kolektif subjektif dan penyertaan seluruh parti, telah membawa satu petanda yang buruk bagi impian ini.”⁶⁹

⁶⁶ Lu Tingyu, *Zhonghua Renmin Gongheguo Lishi Jishi: Quzhe Fazhan 1958-1965* (Catatan Sejarah Republik Rakyat China: Pembangunan Berliku-liku 1958-1965) (Beijing: Penerbitan Hongqi, 1994), ms. 73-74.

⁶⁷ Wu Lengxi, *Yi Maozhuxi* (Memori Terhadap Pengerusi Mao), ms. 98-100.

⁶⁸ Cong Jin, *Quzhe Fazhan de Suiyue* (Masa Pembangunan yang Berliku-liku) (Henan: Penerbitan Renmin Henan, 1989), ms. 272.

⁶⁹ Benjamin Schwartz, “Modernization and the Maoist Vision: Some Reflection on Chinese Communist Goals,” Roderick MacFarquhar (ed), *China Under Mao: Politics Takes Command*, ms. 16-17.

Mao telah mengumumkan peletakan jawatan pengerusi negara dan kemudian mengaku melakukan kesilapan dalam kempen "Melangkah Besar ke Depan" beberapa kali. Akan tetapi Mao juga memenjarakan Naib Perdana Menteri Panglima Peng Dehuai yang mengkritiknya sebelum itu.⁷⁰

Mao menamakan Liu Shaoqi sebagai pengganti beliau dalam jawatan Pengerusi Negara. Liu telah memulakan usaha pemuliharan ekonomi negara pada awal 1960-an.⁷¹ Dalam period ini Deng Xiaoping telah menampakkan penukaran tumpuan tugasannya yang ketara dan penting. Deng yang sebelum ini lebih menumpukan perhatian dalam urusan parti dan hubungan diplomasi dengan Soviet Union telah diminta untuk menolong memantau urusan dalam bidang pertanian. Deng pada kali ini menukar pendiriannya tidak menyokong idea Mao lagi. Sebagai seorang pemimpin eksekutif (Naib Perdana Menteri) yang amat menegaskan pentadbiran negara yang tersusun dan sistematik, tentunya Deng tidak dapat berkompromi dengan idea-idea Mao yang tergopoh-gapah serta ingin mendewa-dewakan diri-sendiri yang telah memperlihatkan padahnya pada tahun-tahun akhir 1950-an. Di bawah pemantauan beliau, beberapa dasar yang bersifat

⁷⁰ Panglima Peng Dehuai pada masa itu berjawatan sebagai ahli biro politik parti pusat, naib perdana menteri dan menteri pertahanan. Beliau sangat terkenal pada masa itu tidak kira dalam dan luar negeri. Beliaulah panglima perang yang tunggal dipuji oleh Mao melalui penulisan sajak. Pada masa Perang Korea, beliaulah yang memimpin Tentera Pembebasan Rakyat China bertempur dengan tentera Amerika Syarikat yang jauh lebih canggih kelengkapannya tetapi tidak kalah. Akan tetapi oleh kerana beliau mengkritik Mao mengadakan kempen "Melangkah Besar ke Depan", maka telah diturunkan oleh Mao dengan mengaitkan beliau sebagai penderhaka negara. Berkenaan dengan fakta-fakta detail perkara ini, sila rujuk Li Rui, *Lushan Huiyi Shilu* (Catatan Langsung dari Mesyuarat Lushan) (Taipei: Penerbitan Xinrui, 1994).

⁷¹ Liu Shaoqi telah mengemukakan satu draf laporan bertulis yang mengemukakan faktor-faktor kegagalan kempen "Berlangkah Besar ke Depan". Beliau menegaskan bahawa kesilapan tersebut hanya 30% adalah ancaman alam semula jadi manakala 70% pula adalah kesilapan manusia. Liu Shaoqi, *Liu Shaoqi Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Liu Shaoqi) (Beijing: Penerbitan Renmin, 1985), ms. 421. Pandangan beliau ini telah mendapat sokongan secara rasmi daripada Mao.

pragmatis telah diperkenalkan. Antaranya ialah dasar “Tiga Sendiri Satu Tanggungjawab” (*sanzi yibao*) iaitu idea yang paling menyangkal dengan idea Mao.

Maksud “Tiga Sendiri” ini ialah “Tanah Sendiri (*ziliudi*), Pasaran Bebas (*ziyou shichang*, Perniagaan Sendiri), Menanggung Untung-rugi Sendiri” (*zifu yingkui*), manakala “Satu Tanggungjawab” pula bermaksud “Memikul Semua Tanggungjawab Penghasilan” (*baochan daohu*).⁷² Ini semua ialah dasar-dasar yang pernah dilaksanakan di bawah dasar Demokrasi Baru. Deng sangat aktif dalam mempelopori dasar ini. Ungkapan beliau yang terkenal ialah “Tidak kira kucing putih atau kucing hitam, asalkan kucing itu boleh menangkap tikus, maka itu ialah kucing yang baik” .

Maksud ungkapan Deng itu ialah penentuan suatu dasar itu sama ada patut diamalkan atau tidak, mesti berdasarkan keberkesanannya. Ini merupakan satu pandangan yang amat pragmatis. Maksud tersiratnya ialah jikalau dasar itu tidak berkesan, walaupun dikatakan bercorak sosialisme, dan itu tetap tidak boleh diguna pakai. Jikalau dasar itu dapat membantu membangunkan negara, walaupun dasar ini dikatakan bersifat Kapitalis pun boleh diamalkan juga. Oleh itu, jika idea-idea dalam kempen “Melangkah Besar ke Depan” diukur berdasarkan konsep “Kucing Putih dan Kucing Hitam” Deng Xiaoping ini, dasar tersebut seharusnya tidak dapat diamalkan.

Melalui pelaksanaan dasar “Tiga Sendiri Satu Tanggungjawab”, ekonomi China mula kelihatan pemulihannya. Mao tidak senang hati terhadap dasar ini. Walaupun ekonomi negara telah dipulihkan melalui dasar ini, tetapi dasar ini tidak dapat membantu negaranya melakukan pertukaran masyarakat kapitalis kepada komunis dalam masa yang

⁷² Han Shanbi, *Deng Xiaoping Pingzhuan* (Komentar dan Biografi Deng Xiaoping), ms. 132.

singkat. Sebaliknya para petani bertanggungjawab sendiri terhadap tanah pertanian masing-masing akan memupuk sifat kapitalis mereka.

Satu lagi ketidakpuasan Mao terhadap Deng ialah Deng mula membuat keputusan sendiri tanpa merunding dengan beliau terlebih dahulu. Beliau pernah merungut, "Deng Xiaoping pura-pura pekak, semasa mesyuarat dia sengaja duduk jauh daripada saya." ⁷³ Dasar itu telah mendapat sambutan hangat daripada para petani. Ramai pemimpin pusat yang penting seperti Liu Shaoqi, Zhou Enlai, Chen Yun turut memberi sokongan kepada Deng. Ini menyebabkan Mao tidak berani untuk mengambil tindakan terhadap Deng pada ketika itu.

Kejayaan tersebut memberanikan semangat pemimpin-pemimpin yang tidak setuju dengan Mao. Mereka menganggap rentak pembangunan negara sudah terpincang daripada model Soviet Union yang sepatutnya diteruskan. Oleh itu mereka berusaha untuk membawa tahap pembangunan negara balik ke landasan yang diamalkan sebelum kempen "Berlangkah Besar ke Depan". Dengan ini, jelas dilihat bahawa pucuk pimpinan PKC pusat muncul dua barisan idea pemerintahan yang berbeza. Idea-idea Mao Zedong yang terkini tidak ada sambutan bagi majoriti pemimpin negara yang sedia ada. Jika beliau ingin meneruskan penguasaan terhadap politik China, beliau perlu mencari pemimpin-pemimpin baru untuk menyokongnya.

2.4. Revolusi Kebudayaan: Mao Menewaskan Pemimpin-pemimpin Pragmatis (1966-1976)

Selepas Deng Xiaoping dan Liu Shaoqi giat melaksanakan dasar-dasar pragmatis mereka, Mao Zedong mula risau akan dasar-dasar tersebut mungkin akan mendorong

⁷³ Mao Zedong, *Mao Zedong Sixiang Wansui* (Pemikiran Mao Zedong Hidup Selama-lamanya) (Bahan bacaan dalaman ahli PKC, 1969), ms. 661-662.

kebangkitan semula sikap birokratisme di kalangan pegawai kerajaan, dan seterusnya akan menghidupkan kelas Burjuis semula di China. Oleh itu, Mao mencadangkan supaya mengadakan revolusi berterusan yang bermaksud perlu selalu mengawasi pemikiran seseorang pemimpin sama ada pemimpin itu telah menderhaka atau tidak dan bukannya berdasarkan sumbangannya terhadap negara.

Andaian Mao ini tidak semestinya karut semata-mata. Seorang pemimpin Komunis negara Yugoslavia Milovan Djilas juga pernah menyifatkan golongan birokrat di negara Komunis barat seperti negaranya dan Soviet Union telah muncul satu kelas baru yang memegang kuasa secara totalitarian dan boleh membuat apa sahaja secara sewenang-wenangnya.⁷⁴

Pakar sejarah PKC Roderick MacFarquhar pula berpendapat bahawa Mao juga risau akan pengurangan kuasanya pada masa depan selepas bersara daripada jawatan Pengerusi Negara. Ini merupakan dua punca yang menyebabkan beliau ingin menjalankan satu kempen revolusi untuk menghapuskan kerisauan beliau tersebut.⁷⁵ Matlamat revolusi ini ialah merampas balik tumpuk pemerintahan negara daripada tangan “kelas Burjuis” tersebut, terutamanya Liu Shaoqi dan Deng Xiaoping.

Pada masa itu, pemimpin-pemimpin pragmatis sedang berusaha memulihkan ekonomi. Cara yang digunakan oleh mereka masih merupakan model Soviet, iaitu memusatkan kuasa perancangan ekonomi negara ke dalam tangan kerajaan pusat. Mereka tidak dapat mengelakkan gejala-gejala seperti birokratisme dan kurang fleksibiliti terhadap perubahan semasa. Dengan alasan-alasan ini, sekitar 1962 hingga 1965 Mao

⁷⁴ Milovan Djilas, *The New Class: An Analysis of the Communist System* (New York: Frederick A. Praeger Publisher, 1957), ms. 157.

⁷⁵ Roderick MacFarquhar, *The Origins of the Cultural Revolution* (London: Oxford University Press, 1974), ms. 11.

telah cuba mendapatkan bantuan daripada sekumpulan pegawai Jabatan Propaganda Parti dari bandar Shanghai dan pihak tentera untuk mengadakan kempen-kempen mendewawakan dirinya sambil mengkritik kepemimpinan para pemimpin pragmatis.⁷⁶ Kempen-kempen tersebut amat berjaya dalam menarik sokongan hangat daripada golongan pemuda-pemudi yang sejak kecil lagi telah dipupuk tentang kemasyhuran Mao.

Kemudian Mao berjaya mendapat sokongan majoriti dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kelapan Kali Kesebelas untuk meluluskan resolusi yang bertujuan untuk meluaskan kritikan pemikiran revisionisme lebih meluas. Rakyat jelata telah menakrifkan resolusi tersebut ditujukan kepada sikap birokratisme para pegawai kerajaan PKC di seluruh negara. Pada Mac 1966, Mao menggalakkan orang ramai menolak pimpinan daripada pucuk pimpinan tertinggi PKC yang merupakan puak revisionis.⁷⁷ Para pemuda-pemudi telah menyahut seruan tersebut dan mendirikan "Askar Merah" (Red Guard, *hongweibing*). Mereka juga ingin memusnahkan semua benda dan mengharamkan semua perkara yang dikaitkan dengan tradisional seperti patung, bangunan, buku bukan ajaran Komunis, pakaian tradisional dan sebagainya. Mao telah menghalalkan perbuatan mereka ini. Satu krisis anarki telah timbul dan pihak kerajaan tidak dapat mengawasi keselamatan masyarakat serta keselamatan mereka sendiri. Para Askar Merah itu telah merampas kuasa kepemimpinan kerajaan di setiap peringkat dengan kekerasan. Pegawai-pegawai kerajaan yang menentang akan dipukul sehingga mati dengan begitu sahaja. Maka inilah bermulanya Revolusi Kebudayaan (*Wenhua Dageming*).

⁷⁶ Pada masa itu, Mao dikatakan menggunakan alasan bercuti sakit di bandar Shanghai, mengambil peluang bersepakat dengan beberapa pemimpin utama bandar itu seperti Ke Qingshi, Zhang Chunqiao dan Yao Wenyuan, bersama dengan menteri pertahanan Lin Biao, isteri Mao Jiang Qing dan seorang lagi ahli biro politik parti pusat Kang Sheng, merancangkan rancangan-rancangan tersebut.

⁷⁷ Mao Zedong, *Mao Zedong Sixiang Wansui* (Pemikiran Mao Zedong Hidup Selama-lamanya), ms. 214.

Pada 1967, Liu Shaoqi dan pemimpin-pemimpin pragmatis yang lain seperti Deng Xiaoping dan Peng Zhen telah dipecat oleh pusat parti dengan kesalahan sebagai anasir Burjuis yang berselimut dalam parti. Tetapi sebelum diadili oleh pihak kehakiman, Liu elah meninggal dunia dalam penjara akibat daripada penyeksaan Askar Merah-Askar Merah tersebut.

Deng yang dinamakan sebagai "Pemimpin Nombor Dua yang Memperjuangkan Perjalanan Burjuis" (*dierhao zouzipai lingxiu*) pula mendapat layanan yang lebih baik berbanding dengan Liu. Beliau telah dibuang ke satu perkampungan kecil bersama dengan emak tiri dan isterinya. Anak-anaknya tidak ikut bersama.⁷⁸ Perhitungan Mao terhadap hukuman kepada Liu dan Deng amat berbeza. Ini mungkin kerana Mao masih menganggap Deng sebagai orang bawahannya yang harus diberi peluang untuk menebus kesilapan yang dilakukan oleh Deng. Oleh itu, nasib Deng tidak sama seperti Liu.

Jika dilihat pada kaca mata zaman sekarang, sejarah yang berlaku pada 1960-an di China itu merupakan satu konflik pendapat antara Mao dengan pucuk pimpinan PKC tentang idea-idea pembangunan asas terhadap sebuah negara sosialis moden. Konflik ini juga dilihat sebagai satu pengejaran ketulenan revolusi yang diimpikan oleh Mao selepas mencapai kemenangan dalam revolusi. Manakala kempen massa yang bersifat populisme merupakan cara perjalanan kempen ini.⁷⁹ Demi kekuasaan politik, Mao sanggup mengorbankan perkembangan ekonomi dan kemantapan masyarakat. Politik telah

⁷⁸ Berkenaan dengan pengalaman Deng pada masa itu, sila rujuk artikel memoir yang ditulis oleh anak perempuan Deng, Mao Mao, "Semasa Berada di Jiangxi" yang disiarkan di suratkhabar Harian Renmin pada 22 Ogos 1984, dipetik dari Han Shanbi, *Deng Xiaoping Pingzhuhan* (Komentar dan Biografi Deng Xiaoping), ms. 311-322.

⁷⁹ Harry Harding dan Thomas W. Robinson (ed), *The Cultural Revolution in China* (Berkeley: University of California Press, 1971).

dijadikan sebagai peneraju perjuangan orang Komunis pada masa itu (*Politics take command, zhengzhi guashuai*).

Daripada reaksi orang ramai, Mao yakin bahawa beliaulah pewaris fahaman Marxis-Leninis yang sah. Oleh itu sesiapa yang tidak sependapat dengannya akan dikelaskan sebagai revisionis. Jika keadaan sebenar menunjukkan pandangannya tidak praktikal, beliau akan melihatnya sebagai satu refleks di mana pergolakan kelas masih berlaku.⁸⁰ Dengan itu, semua pihak telah memuja "Pemikiran Mao Zedong" sebagai punca aspirasi dalam kehidupan revolusi harian supaya mengelakkan pertentangan pendapat dengan Mao. Pada April 1969, ketika Kongres PKC yang kesembilan diadakan, didapati hampir semua pemimpin pragmatis telah disingkirkan daripada senarai ahli jawatankuasa pusat yang baru. Ini adalah seperti nasib yang menimpa sebahagian ahli-ahli PKC senior semasa kempen "Melangkah Besar ke Depan".⁸¹

Pemimpin-pemimpin angkatan tentera telah bangkit sebagai kuasa besar dalam parti.⁸² Bagaimanapun, pada 1971 dunia terkejut dengan laporan perampasan kuasa oleh Menteri Pertahanan Lin Biao, seorang pengganti rasmi yang dinamakan oleh Mao selepas Liu Shaoqi. Kemudian konspirasi Lin dilaporkan gagal dan mati dalam naas kapal terbang di perudaraan Monggolia kononnya ketika ingin melarikan diri.⁸³

Huru-hara di China pada masa itu kemudiannya telah diredukan selepas Mao mengarahkan Angkatan Tentera Pembebasan Rakyat masuk ke bandar untuk mengawal

⁸⁰ Stuart R. Schram, "Party Leader of True Ruler? Foundations and Significance of Mao Zedong's Personal Power," Stuart R. Schram, (ed) *Foundation and Limits of State Power in China* (New York: Frederick A. Praeger, 1986), ms. 203-256.

⁸¹ Roderick MacFarquhar, *China under Mao: Politics Takes Command* (Cambridge, Massachusetts: The Massachusetts Institute of Technology Press, 1966), ms. viii.

⁸² June Teufel Dreyer, "Deng Xiaoping: The Soldier," *The China Quarterly*, no. 135 (September, 1993), ms. 538.

⁸³ Yan Jiaqi dan Gao Gao, *Wenhua Dageming Shinianshi* (Sejarah Sepuluh Tahun Revolusi Kebudayaan) (Taipei: Penerbitan Yuanliu, 1990), ms. 375.

keadaan. Pemuda-pemudi pula dihantar ke kawasan luar bandar atau sempadan negara, kononnya adalah “untuk menghayati hidup proletariat” di sana.

Kematian Lin menyebabkan kemerosotan pengaruh pihak tentera dalam institusi parti. Mao telah menerima saranan Perdana Menteri Zhou Enlai untuk melantik semula pemimpin-pemimpin veteran pragmatis. Antara mereka ini, yang paling mengejut sekali ialah Deng Xiaoping berjaya dipulihkan jawatan asalnya sebagai Naib Perdana Menteri pada 1973. Ini telah membuktikan bahawa Mao masih mempercayai bahawa Deng tetap taat kepadanya. Beliau sendirilah yang memantau kes pemulihan semula jawatan Deng. Akan tetapi jawatan Deng dalam parti dan jawatankuasa ketenteraan tidak dipulihkan setaraf dengan kedudukan yang dahulu. Jelasnya pada masa itu Mao ingin mendapatkan perkhidmatan pentadbiran negara Deng. Pada masa yang sama, Mao juga membawa masuk muka baru seperti Hua Guofeng dan Wang Hongwen. Hua ialah seorang pemimpin yang berasal dari kampung Mao yang dipercayai taat setia kepadanya dan Wang pula berasal dari Jabatan Propaganda cawangan Shanghai.

Pada 1970, draf Rancangan Lima Tahun Keempat telah dibentang. Rancangan tersebut boleh dikatakan adalah campuran idea-idea ekonomi Rancangan Lima Tahun Pertama dan kempen “Melangkah Besar ke Depan”, iaitu pembangunan terhadap industri berat diteruskan, di samping melaungkan slogan-slogan revolusi berterusan.⁸⁴

Pada masa itu Zhou Enlai merupakan pemimpin pragmatis yang memegang jawatan yang paling tinggi, iaitu sebagai Perdana Menteri dan Menteri Luar. Zhou pada dasarnya menerima idea-idea panduan Rancangan Lima Tahun tersebut tetapi dalam pelaksanaannya lebih berkecenderungan kepada polisi-polisi yang bersifat pragmatis.

⁸⁴ Dwight H. Perkins, “The Prospects for China’s Economic Reforms,” Doak A. Barnett dan Raiph N. Clough (ed) *Modernizing China: Post-Mao Reform and Development* (Boulder: Westview Press, 1976), ms. 40.

Kebangkitan Deng dapat membantu Zhou untuk meneruskan usaha pembangunan ekonomi negara. Tidak lama kemudian, Zhou didapati mengidap penyakit barah yang amat serius. Maka beliau lebih giat membuat pengaturan penyerahan kuasa kepada Deng dan cuba mengemukakan satu pelan pembangunan negara yang mengambil masa dua puluh lima tahun. Zhou berjaya mencapai hajatnya pada 1975, dengan Deng dipilih oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Parti sebagai Naib Pengurus PKC dan Zhou mengumumkan pelan "Modenisasi Negara Dalam Empat Bidang" (*sige xiandaihua*) iaitu pertanian, industri, pertahanan serta kajian sains dan teknologi.

Deng telah diarahkan untuk meneruskan tanggungjawab Zhou dalam Jabatan Perdana Menteri. Akan tetapi usaha-usaha pemulihan ekonomi yang dilancarkan olehnya lebih jelas bertentangan dengan idea-idea Mao. Sebelum itu Zhou hanya melakukannya secara berhati-hati agar tidak menyinggung perasaan Mao. Akan tetapi Deng telah menggunakan pendekatan yang berlainan. Beliau mengemukakan tiga dokumen arahan dengan tujuan mempercepatkan pelaksanaan dasar-dasar ekonomi yang pragmatis.⁸⁵ Antaranya, arahan meningkatkan keberkesanan sistem pengangkutan awam, membuka peluang kenaikan pangkat birokrat-birokrat yang dilantik semasa Revolusi Kebudayaan, mengambil berat perkembangan pengetahuan sains dan teknologi, memulih semula nama baik ahli-ahli intelek dan pegawai kerajaan yang pernah dituduh sebagai anasir berfikiran kanan. Beliau juga keras kepala sehingga enggan berkompromi dengan Mao untuk menulis satu notis yang memuji Revolusi Kebudayaan.⁸⁶

⁸⁵ Richard Evans, *Deng Xiaoping and the Making of Modern China*, ms. 205.

⁸⁶ Tan Zongji, *Shinlanhou de Pingshuo: Wenhua Dagemingshi Lunji* (Komentar Selepas Sepuluh Tahun: Koleksi Komentar tentang Revolusi Kebudayaan) (Beijing: Penerbitan Zhonggong Shiliao Banggongshi, 1987), ms. 127.

Deng menghargai budi Mao yang pernah menyelamatkannya, tetapi idea-idea yang disampaikan dalam Tiga Dokumen tersebut tetap anti-Mao. Maka hanya boleh dirumuskan bahawa Deng memang mempunyai satu perangai yang degil dan tetap dengan pendirian sendiri. Deng tentu juga mengetahui bahawa tindakan beliau ini akan menyebabkannya mengalami nasib yang dahsyat seperti semasa Revolusi Kebudayaan. Mao telah mengesyaki bahawa Deng akan menafikan pengiktirafan terhadap Revolusi Kebudayaan sebagai satu kejayaan PKC. Beliau kemudian mengumumkan kritikan terhadap Tiga Dokumen tersebut dan mendakwa Tiga Dokumen itu sebagai satu usaha yang cuba memulihkan pemerintahan kelas Kapitalis dan mengancam penerusan Revolusi Kebudayaan.⁸⁷ Sekali lagi Deng dikelaskan sebagai pemimpin yang memperjuangkan perjalanan kelas Burjuis. Akan tetapi yang menghairankan ialah Maolah yang bertanggungjawab memulihkan jawatan Deng.

Pada 1976, Zhou Enlai meninggal dunia pada Januari. Kemudian pada September tahun yang sama Mao pula meninggal dunia. Kematian Mao menandakan tamatnya penguasaan beliau di China. Bagaimanapun, Mao sempat menurunkan arahannya supaya Deng dipecat. Ini merupakan kali ketiga dalam riwayatnya Deng dijatuhkan daripada arena politik. Akan tetapi Deng dapat bangkit semula dalam masa yang singkat.

Menteri Keselamatan Dalam Negeri Hua Guofeng ditakhtakan semua jawatan yang dipegang oleh Zhou dan Mao pada masa itu. Oleh itu, kuasa tertinggi negara terletak dalam tangannya. Terdapat satu pandangan yang menyatakan bahawa jika susunan pemergian kedua-dua orang masyhur ini diterbalikkan, kemungkinan besar Deng yang akan dilantik sebagai pemimpin tertinggi dan bukannya Hua. Namun ini

⁸⁷ Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai, 1949-1997 (Sejak Penubuhan Negara, 1949-1997)*, ms. 206.

hanya merupakan satu spekulasi semata-mata, yang penting sekali ialah pandangan ini cuba untuk menunjukkan bahawa selain Deng, pada masa itu sememangnya Mao meninggal dunia tanpa memupuk seorang pemimpin pelapis yang mampu mewarisi "daulat" beliau. Dari satu segi lagi, ketidaksungguhan Mao ini juga adalah disebabkan oleh keegoan beliau yang pantang dicabar kedudukannya. Jika seorang pemimpin pelapis dipupuk untuk menggantikan kedudukan Mao, maka Mao akan bimbang ancaman yang bakal diberi oleh pemimpin pelapis tersebut. Oleh itu, pemimpin pelapis yang pernah ditujukan oleh Mao akhirnya semua mengalami nasib diturunkan sendiri oleh Mao kecuali Hua Guofeng.

Didapati dalam tempoh sepuluh tahun sepanjang Revolusi Kebudayaan ini, prestasi pertumbuhan ekonomi sebenarnya hanya merosot secara ketara dari 1967 hingga 1969.⁸⁸ Hampir semua aktiviti ekonomi harian pada tahun-tahun tersebut telah diganggu perjalannya akibat daripada rusuhan yang berlaku di seluruh bandar raya besar. Pada 1967 dan 1968, sektor industri, perniagaan dan pengangkutan mengalami pertumbuhan negatif.⁸⁹ Pengeluaran barang selalu terhenti dan alat-alat pengangkutan telah digunakan oleh pemuda-pemudi untuk menjelajah ke seluruh negara untuk berkempen.⁹⁰ Bagaimanapun, kerosakan yang terjadi dalam tahun-tahun tersebut pun tidaklah seteruk seperti masa kempen "Melangkah Besar Ke Depan". Contohnya dalam sektor pertanian, terutamanya kawasan perkampungan yang jauh dari kawasan bandar, aktiviti-

⁸⁸ Jabatan Statistik Negara China, *Zhongguo Tongji Nianjian-1981* (Almanak Statistik China Tahun 1981) (Beijing: Penerbitan Jabatan Statistik Negara China, 1982), ms. 225-231.

⁸⁹ Ibid, ms. 283, 333, 345 dan 357.

⁹⁰ Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai, 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara, 1949-1997), ms. 206.

aktiviti revolusi biasanya tidak diadakan di sana sehingga kerja pertanian harian di sana dapat diadakan seperti biasa.⁹¹

Kerosakan yang lebih besar terjadi dalam bidang kebudayaan. Banyak bahan bersejarah telah dimusnahkan, daya kreativiti dalam kesenian terbantut, pendidikan formal pada peringkat menengah dan institusi pengajian tinggi terhenti selama sepuluh tahun. Kualiti sumber manusia telah merosot dengan teruknya akibat daripada penutupan kebanyakan institut pengajian tinggi. Yang paling penting sekali, nilai-nilai masyarakat China telah diputar-belitkan ke satu tahap yang menghilangkan sifat kemanusiaan seseorang individu. Kesan buruk ini tidak dapat dipulihkan dalam beberapa generasi. Bagi rakyat jelata pula, mitos kedaulatan PKC sebagai parti pemerintah yang tunggal dan mutlak telah berkecaci sama sekali.

2.5. Idea “Dua Semua” Tidak Kekal Lama (1976-1978)

Dalam zaman pemerintahan Hua, sumbangan beliau yang terbesar ialah memberkas serta sekaligus menamatkan penglibatan pemimpin “Geng Berempat” (*sirenbang*) dalam politik China.⁹² Dengan itu beliau mengumumkan bahawa Revolusi Kebudayaan telah tamat.⁹³ Pada awal 1977, semasa membuat ucapan tahun baru, Hua mengumumkan satu idea baru yang menyokong perjuangan pergolakan kelas diteruskan, iaitu “Dua Semua” (*liangge fanshi*). Maksud “Dua Semua” ini ialah, “Semua arahan

⁹¹ Untuk mendapat penjelasan terhadap penglibatan kawasan luar bandar dalam revolusi kebudayaan, sila merujuk artikel Richard Baum yang terkandung dalam buku berikut: Thomas W. Robinson (ed) *The Cultural Revolution in China* (Berkeley: University of California Press, 1971).

⁹² “Geng Berempat” (*sirenbang*) merupakan satu lagi puak pemimpin yang membantu Mao melancarkan revolusi kebudayaan selain daripada puak tentera. Mereka terdiri daripada isteri Mao iaitu Jiang Qing, Wang Hongwen, Zhang Chunqiao dan Yao Wenyuan. Mereka berusaha untuk mengganti tempat Mao apabila beliau “mangkat”.

⁹³ Ma Licheng dan Ling Zhijun, *Jiaofeng: Dangdai Zhongguo Sanci Sixiang Jiefang Shilu* (Pertempuran: Rekod Benar Tiga Kali Usaha Pembebasan Pemikiran dalam China Semasa) (Beijing: Penerbitan Jinri, 1998), ms. 11.

yang diturunkan oleh pengerusi Mao, mesti kita laksanakan. Semua keputusan yang dibuat oleh pengerusi Mao, mesti kita sokong.”⁹⁴

Idea ini merupakan satu usaha Hua mewatakan dirinya sebagai pewaris pemikiran Mao yang cuba memindahkan autoriti Mao ke atas dirinya. Oleh itu, dasar-dasar kerajaan PKC pada period ini sebenarnya tidak banyak berubah jika dibandingkan dengan zaman Revolusi Kebudayaan. Yang berbeza hanya pada period ini pemimpin “Geng Berempat” tidak didewa-dewakan lagi, malah mereka telah dipersalahkan dengan semua kesalahan yang tidak mahu ditanggung oleh Hua dan Mao.

Di bawah lingkungan idea “Dua Semua” ini, Hua telah mengemukakan pelan pembangunan negara sepuluh tahun (1976-1985). Pelan pembangunan ini tidak dapat lari daripada idea asas “Berlangkah Besar ke Depan” di mana sistem ekonomi terancang masih diamalkan tetapi pihak kerajaan tidak merancangkan dasar pembangunan ekonomi negara berdasarkan kemampuan sebenar negara.⁹⁵ Hua bercadang membuat pinjaman modal dan membeli mesin-mesin daripada luar negeri serta memindah teknologi asing untuk menjalankan pembangunan projek infrastruktur raksasa.

Malangnya beliau ingin menjayakan pelannya dalam jangka masa yang singkat. Akibatnya pelan pembangunan ini mengalami kegagalan yang besar dan perkembangan ekonomi negara merosot sekali lagi.⁹⁶

⁹⁴ Ibid, ms. 20.

⁹⁵ Peter Nolan dan Robert F. Ash, “China’s Economy on the Eve of Reform,” *The China Quarterly*, no. 144 (December, 1995), ms. 996.

⁹⁶ 1978 dalam sejarah PKC China disifatkan sebagai satu tahun malapetaka. Bukan sahaja malapetaka semulajadi melanda lagi, kerajaan China juga mengalami kerugian besar kerana pemindahan teknologi hanya dibekalkan teknologi yang lama, pinjaman dibuat dengan kadar bunga yang tinggi tidak mampu bayar, projek-projek pembangunan infrastruktur dibina tidak dapat mendatangkan kesan ekonomi yang dijangkakan. Penghasilan bahan-bahan utama yang terlalu banyak daripada keperluan seperti pada akhir 1976 jumlah besi waja yang masih digudangkan adalah sebanyak 12 juta tan tetapi hasil tahunannya ialah 14.7 juta tan. Manakala pinjaman dari luar negeri telah dilaburkan terlalu banyak ke dalam bidang penghasilan barang-barang pengeluaran seperti mesin dan bukannya barang pengguna. Taraf hidup rakyat

Dalam situasi sedemikian tentu senang untuk Deng membangkit semula. Deng merupakan pemimpin senior yang jauh lebih berpengalaman dalam urusan pemerintahan negara jika dibandingkan dengan Hua. Pengalaman beliau yang berani menentang pemikiran ultra kiri semasa Revolusi Kebudayaan dan "Geng Berempat" pada 1970-an, merupakan punca sokongan orang ramai termasuk juga orang Komunis terhadapnya. Pada Jun 1977, atas saranan beberapa ahli jawatankuasa pusat parti yang senior, Deng berjaya dipulihkan jawatan-jawatan asalnya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kesepuluh Sesi Ketiga.⁹⁷ Dalam mesyuarat tersebut, beliau diberi peluang berucap menjelaskan bahawa penghayatan pemikiran Mao mesti berpegang teguh dengan satu slogan Mao yang berbunyi "Membuktikan kebenaran berdasarkan fakta benar" (*shishi qiushi*).⁹⁸ Deng dengan bijak sekali memetik kenyataan-kenyataan Mao membuktikan bahawa Mao sendiri pun pernah mengakui terdapat kesilapan dalam pandangannya sendiri, pernah mengemukakan pandangan yang bertentangan terhadap sesuatu perkara pada masa, tempat yang berlainan.⁹⁹ Maka ini bermaksud bahawa idea "Dua Semua"

jelata tidak dapat diperbaiki. Pelan pembangunan beliau telah disifatkan sebagai satu kempen "Melangkah Besar ke Depan dengan Bantuan Asing" (*yang yuejin*). Li Xiannian, "Zai Zhongyang Gongzuo Huiyishang de Jianghua" (Berucap di Bengkel Peringkat Pusat"), *Shiyijie Sanzhong Quanhui Yilai Zhongyao Wenxian Xuanbian* (Dokumen-dokumen Penting Terpilih Sejak Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kesebelas Sesi Ketiga) (Beijing: Penerbitan Renmin, 1982), ms. 14. William Byrd, *China's Financial System* (Boulder: Westview Press, 1983), ms. 46. Ma Licheng dan Ling Zhijun, *Jiaofeng: Dangdai Zhongguo Sanci Sixiang Jieshang Shilu* (Pertempuran: Rekod Benar Tiga Kali Usaha Pembebasan Pemikiran dalam China Semasa), ms. 30.

⁹⁷ Dalam perkara ini, sekumpulan pemimpin senior yang diketuai oleh Chen Yun telah berusaha untuk menyarankan Hua memulihkan semua jawatan asal Deng. Kemudian Deng telah menulis surat kepada Hua untuk menyatakan sokongannya kepada beliau. Hua telah menghantar dua orang pembantu kanannya bertemu dengan Deng ingin menetapkan beberapa syarat sebelum membenarkan pemulihan jawatannya. Deng enggan tetapi dibenarkan menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kesepuluh Sesi Ketiga. Dalam mesyuarat tersebut yang dihadiri oleh ramai pemimpin senior yang berhubungan baik dengan Deng, Hua terpaksa membenarkan Deng dipulihkan semua jawatannya. Richard Evans, *Deng Xiaoping and The Making of Modern China*, ms. 217-221.

⁹⁸ Ibid, ms. 126-128.

⁹⁹ Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid kedua, ms. 42-47.

terdapat juga kekurangannya. Pada masa yang sama cara ini juga mula menampakkan kesungguhan Deng untuk merebut takhta pewaris pemikiran Mao.

Selepas Deng bangkit buat kali ketiga, beliau telah mengemukakan banyak kenyataan yang bersifat pragmatis yang menyangkal dengan pandangan Mao. Hua tidak dapat mempertahankan idea “Dua Semua” nya daripada kritikan Deng tersebut. Satu perlawanan perebutan kedudukan pemimpin tertinggi negara telah bermula. Hanya yang menghairankan ialah pihak yang memegang tampuk pemerintahan yang tertinggi kurang bermaya untuk mengukuhkan kedudukannya sehingga idea perjuangannya hancur sama sekali dalam retorik satu pihak yang lain.

Dalam situasi sebegini, meletus satu perbahasan “Praktik merupakan piawaian ulung kebenaran” (*shijian shi jianyan zhenli de weiyi biaozhun*) di media percetakan.¹⁰⁰ Perbahasan ini cuba menggunakan teori-teori Marxis-Leninis untuk membuktikan bahawa kebenaran hanya dapat dibuktikan oleh pengamalan atau praktik dan bukan teori yang tidak diuji.¹⁰¹ Pandangan majoriti menyokong kenyataan tersebut dan berpendapat idea “Dua Semua” sebagai prinsip dogma yang kaku yang tidak mampu membawa China melangkah ke arah negara maju. Perbahasan tersebut juga telah menarik perhatian para pemimpin parti dan kerajaan untuk mengumumkan pendirian mereka masing-masing. Deng juga tampil memberikan sokongan tegas.¹⁰²

Sarjana politik China Peter Moody berpendapat, slogan “Praktik” ini memperlihatkan perubahan rakyat jelata yang telah menghindarkan kehidupan yang

¹⁰⁰ Ma Licheng dan Ling Zhijun, *Jiaofeng: Dangdai Zhongguo Sanci Sixiang Jiesang Shilu* (Pertempuran: Rekod Benar Tiga Kali Usaha Pembebasan Pemikiran dalam China Semasa), ms. 54.

¹⁰¹ Michael Schoenhals, “The 1978 Truth Criterion Controversy,” *The China Quarterly*, no. 126 (Jun, 1991), ms. 245.

¹⁰² Gao Gao, *Hou Wengeshi: Zhongguo Ziyouthua Chaoliu* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Arus Liberalisasi di China), ms. 119.

berpolitik sepenuh masa.¹⁰³ Ini bermaksud bahawa, pada kali ini, rakyat China nampaknya sekali lagi berani mengemukakan pendapat sendiri yang bertentangan dengan kenyataan rasmi secara terbuka. Frederick Teiwes, seorang pensyarah senior di Universiti Sydney pula memuji tindakan mereka ini dengan menyatakan bahawa tindakan ini merupakan "satu langkah besar yang diambil dari bawah ke atas untuk menghindarkan sikap yang mengagong-agongkan Mao Zedong dan idea-ideanya."¹⁰⁴ Perubahan sikap ini telah menyebabkan pedoman yang dicari-cari oleh Hua hilang sama sekali.

Pada akhir 1978, Hua selaku pemimpin tertinggi PKC terpaksa mengalah dalam Mesyuarat Kerja Pusat PKC. Pada hari penutup mesyuarat tersebut, beliau telah mengaku melakukan beberapa kesilapan dalam tempoh masa pemimpinannya. Seterusnya Deng selaku pemimpin tertinggi tampil untuk berucap. Beliau mengumumkan perjanjakan haluan perjuangan negara dan parti kepada pembangunan negara Sosialis moden. Intipati ucapan tersebut telah dijadikan sebagai resolusi Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kali Kesebelas Sesi Ketiga. Deng berjaya menggantikan Hua sebagai pemimpin tertinggi parti dan negara.¹⁰⁵ Bagaimanapun Hua tidak diturunkan jawatannya serta-merta. Sebaliknya beliau dibenarkan meletakkan jawatanya satu demi satu sehingga 1982.

¹⁰³ Peter R. Moody, Jr., *Chinese Politics after Mao: Development and Liberalization 1976 to 1983* (New York: Frederick A. Praeger, 1983), ms. 68.

¹⁰⁴ Frederick C. Teiwes, *Leadership, Legitimacy and Conflict in China* (Armonk: M. E. Sharpe, 1984), ms. 86.

¹⁰⁵ Richard Evans, *Deng Xiaoping and the Making of Modern China*, ms. 231

2.6. Kesimpulan

Sebelum 1978, Mao Zedong merupakan tokoh yang memainkan peranan paling penting dalam pembentukan dasar-dasar negara. Pada period sebelum 1957, Mao masih bersikap pragmatis mencadangkan idea Demokrasi Baru untuk memulihkan ekonomi China daripada sebarang perjuangan ideologi. Tetapi corak kepemimpinan beliau tidak sesuai menjadi seorang pentadbir negara. Sebab Mao amat sensitif terhadap kewujudan musuh Komunis yang masih belum dihapuskan atau muncul yang baru. Oleh itu kempen demi kempen diadakan untuk mengesan atau menghasilkan musuh tersebut dan mengabaikan kemantapan masyarakat.

Mao hanya ingin merealisasikan idea-idea pembangunan negaranya dalam keadaan tanpa suara keraguan. Kalau ada, beliau akan menghapuskannya dengan sedaya upaya sehingga rakan-rakan seperjuangannya juga dilawan seperti musuh penderhaka negara. Beliau percaya bahawa pembinaan sebuah negara Sosialis moden perlu menegaskan sikap "sosialis" barulah dapat menjamin ianya "moden". Pandangan beliau yang sedemikian telah membawa tiga kegagalan yang paling besar dalam masa pemerintahan PKC dari 1957 sehingga 1978. Tiga kegagalan ini masing-masingnya ialah kempen "Berlangkah Besar Ke Depan" , Revolusi Kebudayaan dan "Berlangkah Besar Ke Depan Dengan Bantuan Asing" . Ketiga-tiganya merupakan dasar-dasar pemerintahan yang berdasarkan idea-idea ultra kiri. Idea-idea ini bermatlamatkan masyarakat Komunis yang dapat dicapai dalam satu jangka masa yang amat singkat, mengutamakan antagonis kelas dan mengejar sistem ekonomi terancang yang sepenuhnya. Oleh itu akhirnya negara China memerlukan seorang pemimpin yang berpegangan pragmatisme seperti Deng Xiaoping untuk memulihkan negara.